



KERAJAAN MALAYSIA

GARIS PANDUAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777]

Dikeluarkan Oleh :

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1.	Tujuan	2
2.	Punca Kuasa Berhubung dengan Kelulusan Sebagai Juruaudit Syarikat	2
3.	Perwakilan Kuasa Menteri Kewangan 3.1 Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat 3.2 Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat	3
4.	Permohonan Kelulusan Sebagai Juruaudit Syarikat 4.1 Syarat-Syarat dan Kelayakan bagi Permohonan Kelulusan Baharu 4.2 Temuduga 4.3 Kelulusan Sebagai Juruaudit Syarikat	4
5.	Pembaharuan Kelulusan Sebagai Juruaudit Syarikat	9
6.	Fi dan Tempoh Kelulusan	10
7.	Penggunaan Sistem BLESS bagi Tujuan Permohonan	10
8.	Penggantungan atau Pembatalan Kelulusan Juruaudit Syarikat	11
9.	Penamatan Praktis Secara Sukarela	12
10.	Hal-hal Lain	12
11.	Tarikh Kuat Kuasa	12
12.	Lampiran I – Format Surat Penaja (Bahasa Melayu)	13
13.	Lampiran II – Format Surat Penaja (Bahasa Inggeris)	14
14.	Lampiran III - Syarat dan Kelayakan bagi Permohonan Baharu Kelulusan Juruaudit yang Diterima Sehingga 31 Mac 2023	15

GARIS PANDUAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT DI BAWAH AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777]

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan mengenai kuasa Akauntan Negara Malaysia di bawah Seksyen 263 Akta Syarikat 2016, tatacara kelulusan sebagai juruaudit syarikat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. PUNCA KUASA BERHUBUNG DENGAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT

Kelulusan sebagai juruaudit syarikat adalah berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 263 Akta Syarikat 2016 iaitu seperti yang berikut:-

“Juruaudit syarikat hendaklah diluluskan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan”

263. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan untuk diluluskan sebagai juruaudit syarikat bagi maksud Akta ini.

(2) Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa pemohon mempunyai watak baik dan berwibawa untuk melaksanakan kewajipan seorang juruaudit di bawah Akta ini, apabila fi yang ditetapkan dibayar, meluluskan pemohon itu sebagai juruaudit syarikat.

(3) Apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen (2) boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa batasan atau syarat yang difikirkannya patut dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa olehnya melalui penyampaian suatu notis pembatalan kepada orang yang diluluskan itu.

(4) Tiap-tiap kelulusan di bawah seksyen ini termasuklah pembaharuan kelulusan juruaudit syarikat hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh selama dua (2) tahun selepas tarikh pengeluarannya melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri.

(5) Menteri boleh mewakilkan semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini kepada mana-mana orang, atau kumpulan orang yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendaftaran atau pengawalan akauntan di Malaysia.

(6) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Menteri atau dengan keputusan mana-mana orang atau kumpulan orang yang kepadanya Menteri telah mewakilkan semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Mahkamah.

(7) Bagi maksud seksyen ini, “orang” ertinya seorang akauntan bertauliah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Akauntan 1967 [Akta 94].

3. PERWAKILAN KUASA MENTERI KEWANGAN

- 3.1 Melalui peruntukan di bawah subseksyen 263(5) Akta Syarikat 2016, Menteri Kewangan II telah mewakili kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia bagi urusan permohonan kelulusan baharu, pembaharuan kelulusan dan pembatalan kelulusan sebagai juruaudit syarikat termasuklah dalam menetapkan syarat-syarat baharu, menggugurkan atau meminda syarat-syarat serta garis panduan sedia ada berkuatkuasa mulai 28 April 2017 [Ruj.: 0.6474 JLD. 15(SK1)(7)].
- 3.2 Tadbir urus berkaitan kelulusan juruaudit syarikat oleh Akauntan Negara Malaysia dilaksanakan melalui dua (2) jawatankuasa yang ditubuhkan secara pentadbiran iaitu seperti yang berikut:
- (a) Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat; dan
 - (b) Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat.

3.3 JAWATANKUASA KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

- 3.3.1 Keanggotaan Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat adalah seperti yang berikut:
- (a) Akauntan Negara Malaysia atau wakil - Pengerusi
 - (b) Wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”);
 - (c) Wakil Institut Akauntan Malaysia (“MIA”);
 - (d) Wakil Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”); dan
 - (e) Wakil Bank Negara Malaysia (“BNM”).
- 3.3.2 Tugas Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat adalah seperti yang berikut:
- (a) memastikan calon memenuhi kriteria **watak baik (good character)** dan **kompeten (competent)** sebelum diberikan kelulusan sebagai juruaudit syarikat;
 - (b) menilai dan membuat keputusan terhadap calon yang berkelayakan melalui sesi temu duga; dan
 - (c) menimbangkan tempoh menunggu untuk temuduga semula bagi calon-calon yang gagal.

3.4 JAWATANKUASA PENGAWAS JURUAUDIT DAN PENYELESAI SYARIKAT

3.4.1 Keanggotaan Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah seperti yang berikut:

- (a) Timbalan Akauntan Negara (Korporat) – Pengerusi;
- (b) Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM);
- (c) Pegawai Undang-Undang, Perbendaharaan Malaysia;
- (d) Wakil Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI)
- (e) Pendaftar / Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akauntan Malaysia (MIA);
- (f) Timbalan Pendaftar / Penolong Pendaftar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
- (g) Wakil Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC); dan
- (h) Wakil Bank Negara Malaysia (BNM).

3.4.2 Tugas Jawatankuasa Pengawas Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah seperti yang berikut:

- (a) mencadangkan dasar-dasar mengenai kelulusan baharu dan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat untuk pertimbangan dan kelulusan Akauntan Negara Malaysia;
- (b) meneliti laporan aduan dan kes-kes yang dikemukakan terhadap juruaudit dan penyelesai syarikat dan mengesyorkan tindakan yang boleh diambil untuk pertimbangan dan kelulusan Akauntan Negara Malaysia; dan
- (c) mengesyorkan kepada Akauntan Negara Malaysia mengenai penggantungan atau pembatalan kelulusan seseorang sebagai juruaudit atau penyelesai syarikat.

3.5 Urus setia Jawatankuasa di perenggan 3.3 dan 3.4 adalah Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM.

4. PERMOHONAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT

4.1 SYARAT-SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT DI BAWAH SUBSEKSYEN 263(2) AKTA SYARIKAT 2016

Seseorang yang memohon untuk menjadi juruaudit syarikat hendaklah memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- (a) berdaftar sebagai ahli MIA bertaraf Akauntan Bertauliah;
- (b) warganegara atau pemastautin di Malaysia;
- (c) bukanlah seorang yang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (d) dalam tempoh lima (5) tahun sebelum permohonan dibuat tidak pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang melibatkan *fraud* atau kecurangan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tiga (3) bulan atau lebih;
- (e) tidak pernah ditolak keahlian atau digantung keahlian oleh mana-mana pertubuhan akauntan yang diiktiraf;
- (f) tidak mempunyai sebarang tindakan penguatkuasaan atau undang-undang yang masih belum selesai terhadapnya di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (“Akta SSM 2001”) atau mana-mana peruntukan Akta atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta SSM 2001;
- (g) mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah daripada MIA;
- (h) permohonan kali pertama disyaratkan menghadiri *Public Practice Programme* yang dianjurkan oleh MIA dan sijil kehadiran tersebut hendaklah belum tamat tempoh semasa permohonan dibuat;
- (i) mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) tahun pengalaman kerja terkumpul secara sepenuh masa semasa permohonan dikemukakan termasuk sebelum dan selepas menjadi ahli MIA, iaitu:
 - (i) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun selepas menjadi ahli MIA atau minimum dua (2) tahun selepas menjadi ahli MIA bagi pemohon yang sebelumnya bekerja di luar negara sekurang-kurangnya setahun;
 - (ii) mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam pengalaman audit di mana dua (2) tahun pengalaman audit terkini hendaklah dalam persekitaran di Malaysia;
 - (iii) telah melaksanakan sekurang-kurangnya 7,500 jam audit dan 40 penglibatan audit penyata kewangan (*audit of financial statements*) dalam tempoh lima (5) tahun sebelum permohonan; dan
 - (iv) telah bertugas sekurang-kurangnya 1,800 jam sebagai Penyelia Audit. (*Penyelia Audit bermaksud mempunyai peranan pengurusan dalam menyelia, mengurus dan*

mengawal penglibatan audit penyata kewangan termasuk perancangan audit dan penyediaan laporan audit).

- (j) Pemohon hendaklah mengemukakan surat penaja (*sponsor letter*) yang memenuhi syarat-syarat yang berikut:
- (i) penaja (*sponsor*) hendaklah merupakan juruaudit syarikat yang diluluskan dan memegang Sijil Kelulusan Juruaudit Syarikat yang sah;
 - (ii) penaja hendaklah seorang yang sebelum ini pernah bekerja bersama pemohon dan boleh mengesahkan pengalaman audit pemohon (termasuk jam audit, jam penyeliaan dan tahap penglibatan audit) dan peranan kerjanya serta boleh menilai sama ada pemohon seorang yang sesuai dan berkelayakan (*fit & proper*);
 - (iii) surat penaja hendaklah menggunakan format yang ditetapkan seperti di Lampiran;
 - (iv) jika pengesahan penaja semasa tidak dapat memenuhi jumlah jam minimum pengalaman audit pemohon, surat tambahan dari penaja lain yang boleh mengesahkan pengalaman audit pemohon hendaklah disertakan; dan
 - (v) menyertakan dokumen sokongan yang berkaitan yang dapat mengesahkan butiran yang berkaitan dalam surat penaja.

(Nota: Syarat-syarat bagi perenggan 4.1 (b),(c),(d) dan (e) hendaklah dibuat perakuan melalui Borang Akaun Berkanun yang ditetapkan).

4.2 TEMU DUGA

- 4.2.1 Calon yang layak ditemuduga dinilai kompetensinya oleh Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat berdasarkan modul penilaian yang berikut:

Bil.	Panel Temuduga	Modul
1.	Institut Akauntan Malaysia (MIA)	MIA By-Laws, Akta Akauntan 1967 dan piawaian pengauditan dan pelaporan kewangan
2.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Akta Syarikat 2016 dan Akta Skim Kepentingan 2016
3.	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC)	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, tadbir urus korporat
4.	Bank Negara Malaysia (BNM)	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, peraturan dan polisi yang diterbitkan BNM

4.2.2 Calon hendaklah memperolehi markah sekurang-kurangnya 60% (minima) bagi semua setiap modul untuk lulus temu duga.

4.2.3 Bagi calon yang gagal dalam temu duga, calon boleh mengemukakan permohonan baharu dan tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- (a) bagi calon yang hanya gagal satu modul, calon berkenaan hendaklah mengulangi temu duga bagi modul yang gagal sahaja dengan syarat markah yang diperolehi sebelumnya **tidak kurang daripada 50%** dan tempoh menunggu minimum untuk temu duga berikutnya adalah selama **tiga (3) bulan**;
- (b) bagi calon yang hanya gagal satu modul **dan** markah yang diperolehi sebelumnya **kurang daripada 50%**, calon berkenaan hendaklah mengulangi semua modul dan tempoh menunggu minimum untuk temu duga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**;
- (c) calon yang gagal **dua (2) modul** hendaklah mengulangi semua modul dan tempoh menunggu minimum untuk temu duga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**;
- (d) sekiranya calon di bawah perenggan 4.2.3 (a) gagal kali kedua, calon berkenaan hendaklah mengulangi semua modul dan tempoh menunggu minimum untuk temu duga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**; dan
- (e) calon yang gagal **tiga (3) atau empat (4) modul** hendaklah mengulangi semua modul dan tempoh menunggu minimum untuk temu duga berikutnya adalah selama **12 bulan**.

4.2.4 Keputusan temuduga bagi kelulusan juruaudit syarikat dinyatakan seperti yang berikut:

Bil	Skor Penilaian	Keputusan	Tempoh Tangguh	Catatan
1.	Skor $\geq 60\%$ bagi setiap modul	Lulus	Tiada	Calon lulus temu duga.
2.	Gagal satu (1) modul dengan skor marginal (50%-59%)	Gagal	3 bulan	Hendaklah ditemu duga semula modul yang gagal. Jika gagal temu duga ulangan, hendaklah ditemu duga

Bil	Skor Penilaian	Keputusan	Tempoh Tangguh	Catatan
				semula semua modul jika membuat permohonan semula
3.	Gagal satu (1) modul dengan skor penilaian <50%	Gagal	6 bulan	Hendaklah mengulangi semua modul temu duga jika membuat permohonan baharu
4.	Gagal dua (2) modul	Gagal	6 bulan	Hendaklah mengulangi semua modul temu duga jika membuat permohonan baharu
5.	Gagal tiga (3) atau empat (4) modul	Gagal	12 bulan	Hendaklah mengulangi semua modul temu duga jika membuat permohonan baharu

4.3 KELULUSAN SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT

- 4.3.1 Setiap calon yang lulus temu duga akan diberikan Surat Kelulusan yang mensyaratkan pemohon hendaklah menjalankan praktis secara sepenuh masa sebagai juruaudit sama ada sebagai pemilik tunggal firma audit atau sebagai rakan kongsi firma audit .
- 4.3.2 Pemohon yang diluluskan hendaklah membuka firma audit dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Surat Kelulusan, atau sekiranya pemohon bercadang untuk menjadi rakan kongsi bagi mana-mana firma audit, pemohon hendaklah berbuat demikian dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kelulusan.
- 4.3.3 Kelulusan yang diberikan akan terbatal jika pemohon gagal memulakan praktis sebagaimana yang dinyatakan di bawah perenggan 4.3.2 dan keperluan lanjutan masa tertakluk kepada kelulusan oleh Akauntan Negara Malaysia.

4.3.4 Pemohon yang diluluskan hendaklah mengemukakan satu (1) salinan pendaftaran firma juruaudit syarikat mengikut subseksyen 265 (1), Akta Syarikat 2016 atau salinan serah simpan di bawah subseksyen 265(4) Akta Syarikat 2016 bagi kemasukan rakan kongsi baharu yang diperakui oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebelum mendapatkan Sijil Kelulusan Juruaudit Syarikat.

5. PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

5.1 Pemohon hendaklah merupakan juruaudit syarikat yang diluluskan di bawah subseksyen 263(2) Akta Syarikat 2016 dan tidak hilang kelayakan sebagai juruaudit syarikat kerana melanggar subseksyen 264(1) atau 264(4) Akta Syarikat 2016.

5.2 Pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- (a) merupakan ahli MIA bertaraf Akauntan Bertauliah;
- (b) warganegara atau pemastautin di Malaysia;
- (c) bukanlah seorang yang bankrap yang belum dilepaskan sama ada di dala atau di luar Malaysia;
- (d) dalam tempoh lima (5) tahun sebelum tarikh Akuan Berkanun, tidak pernah disabitkan dengan mana-mana kesalahan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang melibatkan *fraud* atau kecurangan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tiga (3) bulan atau lebih;
- (e) tidak mempunyai sebarang tindakan penguatkuasaan atau undang-undang yang masih belum selesai terhadapnya di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 ("Akta SSM 2001") atau mana-mana peruntukan Akta atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta SSM 2001; dan
- (f) mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah daripada MIA.

(Nota: Syarat-syarat bagi perenggan 5.2 (b),(c) dan (d) hendaklah dibuat perakuan melalui Borang Akaun Berkanun yang ditetapkan).

5.3 Pemohon hendaklah menjalankan praktis secara sepenuh masa sebagai juruaudit syarikat melalui firma audit yang telah didaftarkan dengan SSM.

5.4 Pemohon hendaklah mematuhi **syarat-syarat khusus** yang ditetapkan oleh SSM, MIA dan SC yang merupakan agensi kawal selia dan permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit syarikat hendaklah mendapat sokongan agensi kawal selia tersebut.

- 5.5 Sekiranya salah satu agensi kawal selia tidak menyokong permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit syarikat, permohonan dianggap tidak memenuhi syarat pembaharuan dan permohonan pembaharuan kelulusan boleh ditolak serta digugurkan.
- 5.6 Permohonan pembaharuan kelulusan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan dan disertakan bersama dengan dokumen-dokumen berikut:
- i. Aduan Berkanun yang ditandatangani oleh Pesuruhajaya Sumpah;
 - ii. Salinan resit yuran tahunan keahlian MIA; dan
 - iii. Salinan resit pembaharuan Sijil Amalan (*Practising Certificate*) MIA yang terkini.
- 5.7 Sekiranya permohonan pembaharuan dikemukakan selepas dari tarikh tamat tempoh kelulusan terdahulu, tempoh kelulusan baharu tidak akan bersambung. Tarikh kelulusan baharu adalah berdasarkan tarikh pembaharuan kelulusan diberikan.
- 5.8 Sekiranya permohonan pembaharuan gagal dikemukakan dalam tempoh satu (1) tahun selepas tamat tempoh kelulusan terdahulu, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan baharu sebagai juruaudit syarikat dan hendaklah menjalani sesi temuduga baharu.

6. FI DAN TEMPOH KELULUSAN

- 6.1 Kadar fi kelulusan juruaudit syarikat ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Syarikat (FI Juruaudit Syarikat dan Penyelesai) 2020 [P.U.(A) 9/2020] yang mula berkuat kuasa pada 15 Januari 2020.
- 6.2 Fi kelulusan juruaudit syarikat adalah sebanyak **RM500.00 bagi tempoh sah selama dua (2) tahun.**
- 6.3 Kelulusan juruaudit syarikat adalah untuk tempoh **dua (2) tahun** sahaja melainkan jika dibatalkan lebih awal.
- 6.4 Kelulusan juruaudit syarikat boleh **diperbaharui** untuk tempoh **dua (2) tahun** berikutnya dengan bayaran pembaharuan kelulusan yang ditetapkan iaitu **RM500.00.**

7. PENGGUNAAN BLESS BAGI TUJUAN PERMOHONAN

- 7.1 Pemohon hendaklah mendaftar sebagai pengguna BLESS (*Business Licensing Electronic Support System*) melalui Bahagian BLESS, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan mengemukakan permohonan kelulusan baharu atau pembaharuan kelulusan melalui BLESS sepenuhnya.

- 7.2 Dokumen sokongan yang diperlukan bagi tujuan permohonan baharu atau pembaharuan kelulusan hendaklah dimuat naik sepenuhnya melalui sistem BLESS.
- 7.3 Borang Akuan Berkanun hendaklah menggunakan format yang dijana melalui sistem BLESS.
- 7.4 Notifikasi fi kelulusan baharu hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah lulus temuduga.
- 7.5 Notifikasi fi pembaharuan kelulusan hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang telah mendapat sokongan agensi kawal selia yang berkaitan.

8. PENGGANTUNGAN ATAU PEMBATALAN KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

- 8.1 Akauntan Negara Malaysia boleh merujuk kepada agensi kawal selia berkaitan jika terdapat sebarang aduan atau salah laku terhadap juruaudit.
- 8.2 Bagi kes juruaudit syarikat yang digantung keanggotaan dalam MIA, kelulusan sebagai juruaudit syarikat akan digantung berkuat kuasa serta merta mengikut tempoh penggantungan oleh MIA.
- 8.3 Mana-mana juruaudit yang didapati tidak menjalankan praktis secara sepenuh masa, kelulusan sebagai juruaudit syarikat akan digantung sehingga juruaudit tersebut kembali menjalankan praktis secara sepenuh masa. Sekiranya juruaudit didapati tidak menjalankan praktis secara sepenuh masa melebihi setahun, kelulusan juruaudit tersebut akan dibatalkan.
- 8.4 Akauntan Negara Malaysia melalui perwakilan kuasa di bawah subseksyen 263(5) Akta Syarikat 2016 berhak untuk menggantung atau membatalkan kelulusan sekiranya juruaudit syarikat tidak kompeten dan berkelayakan dalam menjalankan kerja-kerja audit melalui penyampaian suatu notis di bawah subseksyen 263(3) Akta Syarikat 2016.
- 8.5 Mana-mana juruaudit syarikat yang tidak berpuas hati dengan keputusan Akauntan Negara Malaysia, rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah selaras dengan subseksyen 263(6) Akta Syarikat 2016.

9. PENAMATAN PRAKTIS SECARA SUKARELA

- 9.1 Juruaudit syarikat yang telah bersara secara sukarela atau tidak memperbaharui Sijil Amalan (*Practising Certificate*) bagi menjalankan praktis hendaklah memaklumkan kepada MIA dan JANM.
- 9.2 Sijil Kelulusan Juruaudit Syarikat yang masih berkuat kuasa hendaklah dikembalikan kepada JANM.
- 9.3 Juruaudit hendaklah memaklumkan penamatan operasi firma audit persendirian atau memaklumkan persaraan sebagai rakan kongsi dalam firma audit yang berdaftar kepada SSM.

10. HAL-HAL LAIN

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai garis panduan ini boleh dirujuk kepada alamat di bawah:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 6 & 7, Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana
62594, Presint 2
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

Untuk perhatian : Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat
Emel : ukp@anm.gov.my
No.telefon : 03-8882 1118 /1196/1194

11. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan baharu ini akan berkuat kuasa pada **1 April 2023** dan garis panduan yang dikeluarkan sebelumnya adalah terbatal mulai dari tarikh tersebut.

Diperakui oleh,


(DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A(M))
Akauntan Negara Malaysia

Tarikh: 5/10/22

Format Surat Penaja

<Alamat penuh Penaja>

Tarikh:

Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Aras 7, Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2, 62594 Putrajaya

Tuan,

Saya mengesahkan bahawa Encik / Puan <nama pemohon> (No.K/P: <no. kad pengenalan>) telah melengkapkan pengalaman pengauditan yang diperlukan iaitu seperti yang dinyatakan di bawah:

Pengalaman audit yang diselesaikan	Tempoh pengalaman yang diperolehi	
Tempoh pengalaman dalam menjalankan peranan utama pengauditan	Dari <hari/bulan/tahun>	Sehingga <hari/bulan/tahun>
Tempoh bertugas sebagai Penyelia Audit *	Dari <hari/bulan/tahun>	Sehingga <hari/bulan/tahun>
Jumlah jam audit yang diperolehi (minima 7,500 jam pengauditan dalam tempoh 5 tahun terdahulu)	Dokumen sokongan bagi pengalaman pengauditan / jumlah jam audit yang diperolehi dan senarai penyata kewangan yang telah diaudit dilampirkan bersama.	
Jumlah jam penyeliaan audit yang diperolehi (minima 1,800 jam dalam tempoh 5 tahun terdahulu) *		
Jumlah pengauditan penyata kewangan (minima 40 penglibatan audit penyata kewangan dalam tempoh 5 tahun terdahulu)		

*Nota: Penyelia Audit bermaksud mempunyai peranan pengurusan dalam menyelia, mengurus dan mengawal penglibatan audit penyata kewangan termasuk perancangan audit dan penyediaan laporan audit.

Sepanjang pengalaman bekerja bersama <nama calon>, saya dapati beliau seorang yang

Saya percaya bahawa beliau seorang yang sesuai dan berkelayakan serta mempunyai kompetensi profesional yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang juruaudit syarikat yang diluluskan, dan saya tiada halangan untuk menyokong permohonan beliau bagi kelulusan juruaudit syarikat.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

<Tandatangan>

<Nama Juruaudit Yang Diluluskan>

Nombor Kelulusan Juruaudit:

No. Telefon Pejabat @ Tel Bimbit:

Sponsor Letter Format

LAMPIRAN II

<Full Address of the Sponsor >

Date:

Director
 Accounting Development and Management Division
 Level 7, Accountant General's Department of Malaysia
 Ministry of Finance Complex
 No. 1, Persiaran Perdana
 Precinct 2, 62594 Putrajaya

Dear Sir,

I confirm that Mr/Ms < **candidate name** > (I/C No: < **IC number** >) has completed the audit experiences required as specified below:

Audit Experience Completed	Period experience was acquired	
Duration of experience in performing the key audit functions	From <day/month/year>	To <day/month/year>
Duration of the above audit experience are in audit supervisory role*	From <day/month/year>	To <day/month/year>
Total audit hours gained (min 7,500 audit hours over the last 5 years)	<i>Supporting document for relevant audit experience / audit hours required and list of financial statements being audited are as attached.</i>	
Total audit supervisory* hours gained (min 1,800 hours over the last 5 years)		
Total audit of financial statements (min 40 audit of financial statements over the last 5 years)		

**Note: Audit supervisory means having a managerial role involved in overseeing, managing and controlling audit engagements including audit planning and preparing audit reports.*

Throughout my working experience with < **candidate name** >, I found he/she to be

I believe that he/she is fit and proper and has the professional competency to carry out his / her duties and responsibilities as an approved company auditor, and I have no hesitation in supporting his/her application for the audit licence.

Thank you.

 <Signature>
<Name of Approved Company Auditor>
 Audit Licence Number:
 Office Telephone No. @ Mobile Phone No.

SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN BAHARU KELULUSAN JURUAUDIT YANG DITERIMA SEHINGGA 31 MAC 2023

Berikut adalah syarat-syarat dan kelayakan permohonan baharu kelulusan juruaudit syarikat sedia ada yang diterima pakai sehingga 31 Mac 2023:

- (a) Berdaftar sebagai ahli MIA bertaraf “Akauntan Bertauliah”;
- (b) Mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah daripada MIA;
- (c) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja terkumpul secara sepenuh masa termasuk sebelum dan selepas menjadi ahli MIA, iaitu:
 - (i) sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas menjadi ahli MIA;
 - (ii) sekurang-kurangnya tiga (3) tahun daripada lima (5) tahun pengalaman kerja dalam amalan audit; dan
 - (iii) sekurang-kurangnya satu (1) tahun amalan audit (daripada tiga (3) tahun di atas) hendaklah berperanan sebagai Penyelia Audit. Penyelia Audit bermaksud menyelia, mengurus dan mengawal proses auditan termasuk penyediaan laporan kewangan dan perancangan audit.
- (d) Pemohon kali pertama disyaratkan untuk menghadiri *Public Practice Programme* yang dianjurkan oleh MIA dan sijil kehadiran tersebut hendaklah belum tamat tempoh semasa permohonan dibuat;
- (e) Pemohon yang mempunyai pengalaman audit di firma audit luar negara juga boleh dipertimbangkan dengan syarat pemohon telah menjalankan amalan audit sekurang-kurangnya satu (1) tahun di dalam persekitaran Malaysia secara sepenuh masa; dan
- (f) Pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengauditan tetapi tidak lagi terlibat dalam amalan audit masih layak memohon jika dia:
 - (i) meninggalkan amalan audit dalam tempoh tidak lebih tiga (3) tahun dari tarikh permohonan; atau
 - (ii) meninggalkan amalan audit lebih dari tiga (3) tahun tetapi mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman kerja dalam amalan audit terkini di dalam persekitaran Malaysia sebelum mengemukakan permohonan baharu.